



KENYATAAN MEDIA
SISTEM PEMANTAUAN EKONOMI MALAYSIA
(MALAYSIA ECONOMIC INDICATORS DASHBOARD)

Petunjuk Ekonomi Malaysia dalam Visualisasi Interaktif

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2021 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia telah melancarkan Sistem Pemantauan Ekonomi Malaysia. Sistem yang dipersembahkan dalam bentuk *dashboard* dengan paparan grafik yang dapat memberikan gambaran keseluruhan situasi ekonomi semasa berdasarkan prestasi petunjuk ekonomi utama terpilih.

Dashboard ini mengandungi lapan petunjuk ekonomi utama; Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Guna Tenaga, Komoditi, Harga, Pembuatan, Perkhidmatan, Perdagangan Antarabangsa dan Imbangan Pembayaran. Petunjuk ekonomi ini dipersembahkan dalam bentuk visualisasi interaktif siri masa bulanan, suku tahunan dan tahunan

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “*Malaysia Economic Monitoring Dashboard* merupakan inisiatif terbaru oleh Jabatan yang membolehkan orang ramai memantau keadaan ekonomi negara ketika ini. Kerajaan mengambil pelbagai langkah dalam menangani krisis pandemik COVID-19, termasuk pengumuman terbaru mengenai PEMULIH, iaitu bantuan komprehensif untuk meredakan kesan krisis pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara. Keprihatinan di kalangan masyarakat mengenai keadaan ekonomi semasa semakin meningkat, terutamanya sejak PKP 3.0. Sehubungan dengan ini, DOSM menawarkan platform interaktif ini bagi memantau keadaan ekonomi semasa dan pada masa yang sama untuk meningkatkan literasi statistik di kalangan orang ramai.”

Dashboard ini mengandungi lapan petunjuk ekonomi utama dan 27 sub-petunjuk yang terbahagi kepada sembilan modul utama; Keseluruhan dan lapan petunjuk ekonomi utama. Modul keseluruhan memaparkan gambaran ringkas semua prestasi

semasa petunjuk utama, sementara modul lain menunjukkan prestasi petunjuk ekonomi dan sub-indikator ekonomi masing-masing.

Malaysia Economic Indicator Dashboard ini boleh dicapai melalui <https://www.dosm.gov.my/>.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Paparan utama *Malaysia Economic Indicators Dashboard*



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

1 JULAI 2021



MEDIA STATEMENT
MALAYSIAN ECONOMIC MONITORING SYSTEM
(MALAYSIA ECONOMIC INDICATORS DASHBOARD)

Malaysia Economic Indicators in an Interactive Visualization

PUTRAJAYA, 1st JULY 2021 - Today, the Department of Statistics Malaysia has launched the Malaysian Economic Monitoring System. The system presented in a dashboard-style of graphical display that gives a quick overview of the Malaysian current economic situation based on the selected key economic indicators performance.

The dashboard contains eight key economic indicators; Gross Domestic Product (GDP), Employment, Commodities, Prices, Manufacturing, Services, International Trade and Balance of Payments. These indicators are presented in an interactive visualization of monthly, quarterly and annual time series.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The Malaysia Economic Monitoring Dashboard is the latest initiative by the Department that allows the public to monitor the country's current economic situation. The Government takes various measures in addressing the COVID-19 pandemic crisis, including the latest announcement of PEMULIH, a comprehensive aid to ease the impact of the ongoing COVID-19 pandemic crisis. The concern among the public on the current economic situation is rising, especially since the MCO 3.0. Hence, the Department offers this interactive platform to monitor the current economic situation and at the same time to increase the literacy of statistics among the public".

The dashboard contains eight key indicators and 27 sub-indicators divided into nine main modules; Overall and eight key indicators. The Overall module presents a quick overview of all key indicators current performance, while other modules display the respective indicators and sub-indicators performance.

The Malaysia Economic Indicators Dashboard is accessible through <https://www.dosm.gov.my/>.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Exhibit of Malaysia Economic Indicators Dashboard

The screenshot shows the homepage of the Malaysia Economic Indicators Dashboard. At the top left is the Malaysian coat of arms. Next to it are the logos for the Department of Statistics Malaysia (www.dosm.gov.my) and STATS BDA BIG DATA ANALYTICS. The background features a night view of the Petronas Twin Towers and surrounding city lights. The main title "Malaysia Economic Indicators Dashboard" is displayed prominently in teal. Below the title, a subtext states: "This dashboard presents the time series data of **8 economic indicators** :". A large orange button labeled "Overall" is positioned above a grid of eight blue buttons, each representing an indicator: Gross Domestic Product, Labour Force, Commodities, Prices, Manufacturing, Manufacturing (repeated), Trade, and Balance of Payments. At the bottom left of the dashboard area are small navigation icons. The bottom right corner of the dashboard area contains a decorative graphic of the Petronas Twin Towers and a lake.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

1st JULY 2021